

Jangan Takut Laporkan Cukai

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) tidak mahu rakyat mempunyai perasaan takut dan gentar terhadap agensi itu, sebaliknya mahu dilihat oleh masyarakat sebagai perunding yang memberikan nasihat dan pendidikan cukai agar pembayar cukai melaporkan pendapatan dan membayar cukai yang sepatutnya sahaja.

Tidak denda atau penalti dikenakan sewenang-wenangnya tanpa usul periksa atau tanpa memberikan peluang kepada pembayar cukai untuk menjelaskan secara lebih terperinci situasi mereka. Apa yang penting, pembayar cukai berkenaan tampil untuk sesi perbincangan dan mencari jalan terbaik bagi menyelesaikan masalah cukai mereka.

HASiL percaya bahawa orang ramai bersedia untuk membayar cukai kerana mereka tahu bahawa kerajaan akan menggunakan hasil kutipan cukai tersebut untuk menjamin kemakmuran dan masa hadapan Malaysia yang lebih baik.

Cukai bukan hanya kewajipan undang-undang tetapi satu bentuk pelaburan kepada masa hadapan negara. Dengan kepatuhan cukai yang tinggi, Malaysia dapat melangkah ke hadapan sebagai negara yang makmur dan progresif.

Marilah kita semua memainkan peranan masing-masing dengan membayar cukai tepat pada masanya dan secara bertanggungjawab. Ingatlah, "Cukai Anda, Masa Depan Kita" dan melalui setiap pembayaran cukai, kita bersama-sama membina asas pembangunan negara yang kukuh.

Tanggungjawab bersama laporkan pelarian cukai

Bagi menjamin keadilan kepada pembayar cukai yang patuh dengan undang-undang cukai, HASiL turut giat mengumpulkan maklumat pelarian cukai sama ada melalui risikan dan siasatan oleh pegawai HASiL sendiri mahupun daripada aduan yang dibuat oleh orang ramai.

Tindakan sebegini amat penting bukan sahaja sebagai langkah meluaskan asas cukai, malah sebagai memenuhi tanggungjawab HASiL yang telah diamanahkan oleh pihak kerajaan dalam memastikan setiap pihak yang layak membayar cukai melaksanakan tanggungjawab percukaian mereka kepada negara.

Sehubungan dengan itu, tiga kaedah pelaporan pelarian cukai telah disediakan oleh HASiL untuk dimanfaatkan oleh setiap rakyat Malaysia iaitu:

Bil.	Perkara	Keterangan
1.	Sistem e-Pelarian Cukai	Sistem e-Pelarian Cukai merupakan sebuah platform bagi orang awam untuk membuat aduan berkenaan dengan pelarian cukai terhadap individu atau syarikat yang melakukan kesalahan pelarian cukai. Klik https://epelariancukai.hasil.gov.my/
2.	Urusan di Pejabat	Hadir ke pejabat HASiL Negeri di seluruh negara dan berjumpa dengan pegawai di Seksyen Perisikan dan Profiling (SPDP).
3.	Menulis surat	Menulis surat kepada Seksyen Aduan dan Sumber, Bahagian Perisikan Jabatan Perisikan dan Profiling Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Aras 3, Menara 2, No. 3, Jalan 9/10, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

Ayuh, laksanakan tanggungjawab sebagai warganegara yang cinta akan tanah air dan setiap sen sumbangan anda adalah demi Malaysia yang tercinta. Jangan lupa untuk memanfaatkan pelbagai pelepasan dan rebat cukai yang ditawarkan bagi mengurangkan beban bayaran cukai anda.

HASiL sentiasa bersedia untuk membantu dengan mendapatkan segala informasi yang diperlukan. Anda hanya perlu melayari www.hasil.gov.my untuk maklumat lanjut. Pembayar cukai juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai HASiL di mana-mana Pejabat HASiL berdekatan atau boleh menghubungi Hasil Contact Centre melalui talian: 03-8911 1000 atau 603 8911 1100 (Luar Negara).

MANFAAT CUKAI DEMI KEMAKMURAN BERSAMA



SUMBER: POSTER LHDNM